

مَجْلِسُ تِلَاوَةِ الْقُرْآنِ وَمُحَافَظَةِ الْقُرْآنِ بِكُتَيْبَانِ

MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ
AL-QURAN

PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1441H/2020M

22 - 27 Jamadilakhir 1441H
16 - 21 Februari 2020M

**Sabah International
Convention Centre
Kota Kinabalu**

"Negara Rahmah Ummah Sejahtera"



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**

D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Terengganu)., D.K.(Johor)., S.P.M.J., D.K.M.B.(Brunei).,
D.K.(Kedah)., D.K.(Perlis)., D.K.(Perak).



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUNKU HAJAH AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH
BINTI ALMARHUM AL-MUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ**
D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Johor)., S.P.M.J., D.K.(Brunei).



TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
S.M.N., S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., A.S.D.K., J.P., Hon. Ph.D (UoW) UK



YANG AMAT BERBAHAGIA
TOH PUAN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJAH NORLIDAH BINTI TAN SRI DATUK R. M. JASNI
S.P.D.K., A.D.K., Hon. Ph.D (NBUC)



Perutusan TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT, selawat dan salam buat Junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.

Atas limpahan rahmah Allah SWT dan nikmat ketetapan iman yang kita nikmati saat ini, sekali lagi kita berpeluang menjayakan Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan di negeri Sabah. Amalan mengadakan Majlis Tilawah di negara ini selain menegakkan syiar Islam, ia juga sebagai platform kepada umat Islam untuk mendekati, menghayati serta mengamalkan petunjuk dan panduan yang terkandung di dalam Al-Quran.

Sesungguhnya kitab suci yang diturunkan lebih 1400 tahun dahulu mampu membimbing manusia dalam setiap zaman untuk mencapai kemajuan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Sekiranya umat Islam berpegang teguh dengan ajaran Islam sepertimana yang terkandung di dalamnya, maka mereka akan menjadi satu umat yang maju, bertamadun, kuat dan bersatu padu hidup dalam suasana aman dan berkasih sayang. Sebaliknya jika mereka mengabaikannya, maka mereka akan terjebak ke dalam gejala yang memundur dan merosakkan ummah seperti perpecahan, lemah, tidak berani bersaing, takut menghadapi cabaran, dengki sesama sendiri, mudah terpengaruh dengan ajaran salah dan menyesatkan. Malahan mereka juga sengaja membiarkan diri mereka terdedah kepada kemurkaan Allah SWT.


Sejarah merakamkan bahawa kebanyakan empayar agung Islam suatu masa dahulu seperti Kerajaan Umayyah dan Abbasiyyah mampu bertahan dan mengekalkan kegemilangannya selagi mana mereka dapat memastikan ajaran Islam diikuti dan dihayati. Tetapi tatkala ajaran Islam mula dipinggirkan, maka kita dapati empayar-empayar yang menjadi kebanggaan ini mula jatuh satu demi satu.

Sempena dengan majlis yang diberkati ini, marilah kita bersama-sama memperbaharui tekad dan iltizam untuk menguat dan meneguhkan iman serta penghayatan ajaran Islam. Mudah-mudahan negara kita dan umat Islam di rantau ini akan muncul sebagai sebuah negara dan satu bangsa yang maju, disegani di mata dunia dan mampu mengembalikan kegemilangan serta keagungan Islam seperti masa lampau.

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN



Perutusan YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI MALAYSIA



Alhamdulillah, bersyukur kita kerana sekali lagi kita dapat menganjur Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK). Tahun ini majlis diadakan di negeri Sabah. Acara tahunan yang dianjurkan selama enam dekad ini bukan sahaja amat dekat dengan masyarakat Islam Malaysia, bahkan siarannya turut diikuti oleh umat Islam di negara-negara jiran. Penganjurannya adalah sebagai usaha Kerajaan memartabatkan Al-Quran dan melebar pengetahuan syiar Islam di negara ini.

Sebagai umat Islam, kita semua bertanggungjawab terhadap berdakwah dan mengembangkan ajaran Islam di kalangan orang Islam dan mengurangkan salah faham akan agama Islam di kalangan orang bukan Islam. Tumpuan kita bukanlah semata-mata terhadap membaca ayat-ayat Al-Quran tetapi juga pemahaman akan ajaran Islam melalui tafsiran yang dibuat bersama. Sesungguhnya, oleh kerana Al-Quran menjelaskan berkenaan pengajaran dan amalan Islam, memahami makna ayat-ayat dalam Al-Quran amatlah penting. Majlis Tilawah menyumbang kepada pemahaman ajaran Islam.

Islam seperti yang kita tahu bukanlah semata-mata satu agama atau kepercayaan, tetapi Islam adalah juga satu cara hidup. Dan cara hidup orang Islam dikuasai oleh nilai-nilai hidup yang diwajibkan ke atas mereka.

Untuk hayati tema “Negara Rahmah Ummah Sejahtera” yang dipilih bagi tahun ini, pegangan umat Islam kepada nilai hidup Islam amatlah penting. Apakah ianya nilai hidup Islam. Segala-galanya terdapat dalam Al-Quran. Yang diutamakan ialah orang Islam itu bersaudara. Islam mengutamakan keadilan. Ini disusuli dengan beramanah, berpegang kepada janji. Disiplin juga diutamakan, sepertimana kita tunaikan apa yang diwajibkan. Berkorban dalam pegangan kita kepada apa yang diwajibkan adalah sifat yang perlu diamal oleh orang Islam.

Terdapat juga larangan-larangan tertentu dalam Islam. Larangan-larangan ini bukan untuk menjadi beban ke atas orang Islam. Tetapi terdapat pendapat bahawa jika larangan dijadikan lebih berat, maka ia membuktikan iman yang lebih kuat. Maka diciptalah larangan yang membebaskan umat Islam kerana ingin memboloti iman yang lebih kuat.

Sesungguhnya semua tafsiran yang dibuat hendaklah tertakluk kepada Al-Quran, kerana Al-Quran menjelas asas agama Islam.

Sekian, terima kasih.


TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD



Perutusan YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI SABAH



Alhamdulillah, Maha Suci Allah kerana dengan izin serta rahmat-Nya jua, kita diberi nikmat keafiatan dan kebersamaan dalam merangka serta melaksanakan amanah yang digalas. Pada tahun baharu di bulan Februari 2020 ini, sekali lagi kita meneruskan acara mengumandangkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran melalui Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu.

Dengan mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan negeri-negeri ke majlis yang mulia ini, saya mewakili pihak Kerajaan Negeri Sabah dan rakyat Sabah merafakkan kesyukuran dan ucapan terima kasih atas kepercayaan juga penghormatan sebagai tuan rumah. Sesungguhnya penganjuran majlis seumpama ini amat berpotensi menjadi sumber daya penarik yang mendorong masyarakat sentiasa mendekatkan diri dan menghayati Al-Quran, di samping berperanan mendukung usaha dakwah dan tarbiah Islam. Ini kerana Al-Quran menganjurkan umatnya melaksanakan kemakrufan dan menjauhi kemungkaran bagi mencapai kebahagiaan dan kejayaan yang bermakna dalam hidup.


Sehubungan dengan itu, pengurniaan kitab suci Al-Quran kepada umat manusia oleh 'al-Khaliq' wajib kita syukuri dengan upaya menterjemahkan kandungannya dalam ruang lingkup dan spektrum kehidupan seharian. Bersesuaian dengan tema majlis ini iaitu "Negara Rahmah Ummah Sejahtera", ianya begitu signifikan dengan masyarakat majmuk negeri ini. Marilah kita sama-sama berganding bahu meraikan perbezaan dan berkongsi persamaan yang kita ada.

Akhir kata, saya berdoa agar segala khidmat bakti yang telah diberikan bagi menjayakan majlis ini dikira sebagai ibadah dan beroleh ganjaran pahala yang setimpal di dunia mahupun di akhirat. Amin ya rabbal 'alamin.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL



Kata Alu-aluan YANG BERHORMAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, dipanjatkan syukur kepada Allah SWT, selawat dan salam kepada Junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW, para sahabat serta para tabi'in. Sesungguhnya, di atas jerih perih usaha mereka, kita merasai nikmat Islam sehingga ke hari ini.

Syukur juga dirafakkan atas nikmat kesejahteraan, keharmonian dan keamanan yang diberikan kepada negara kita tercinta sehingga Majlis Tilawah dan Menghafaz

Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Majlis ini bukanlah satu majlis yang asing bagi masyarakat di Malaysia, malahan majlis ini merupakan antara acara tahunan yang dinanti-nantikan oleh masyarakat Islam. Melalui majlis ini, Al-Quran bukan sekadar diperdengarkan dengan alunan bacaan yang indah, tetapi perkara yang lebih penting adalah penghayatan bait-bait Al-Quran yang dijadikan sebagai pedoman serta petunjuk dalam kehidupan seharian.

Sejajar dengan tema majlis ini iaitu "Negara Rahmah Ummah Sejahtera", saya mengajak masyarakat untuk lebih memahami dan mengenali Konsep Negara Rahmah yang menjadi dasar dalam Kerajaan hari ini. Terdapat tiga teras utama pembinaan negara Rahmah, iaitu *Rahmatan Lil Alamin*, Pendekatan Maqasid Syariah dan Model Malaysia. Konsep Negara Rahmah dalam konteks Malaysia juga berhasrat untuk melahirkan sebuah masyarakat yang berintegriti, membudayakan masyarakat berilmu dan berakhlak, saling hormat-menghormati tanpa mengira batasan agama dan sempadan kaum.

Kalimah Rahmah diulang lebih 300 kali di dalam Al-Quran. Antaranya, firman Allah SWT melalui Surah Al-Anbiya', ayat ke-107, *"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."*

Manifestasi Islam sebagai agama Rahmah ditonjolkan melalui personaliti Rasulullah SAW secara jelas mempunyai akhlak terpuji dan *qudwah* sepanjang zaman. Satu-satunya mukjizat Baginda yang kekal, adalah Al-Quran.

Al-Quran mengandungi pelbagai ilmu dan azimat yang mampu merungkai segala permasalahan kehidupan. Biarpun penciptaan manusia dengan kriteria dan watak yang berbeza, terdiri daripada pelbagai bangsa, Konsep Rahmah menjadi titik temu bagi membina suasana yang aman dan harmoni. Bahkan kefahaman terhadap Konsep Rahmah sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran, mampu menyatupadukan dan meraikan masyarakat majmuk di Malaysia.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam melaksanakan majlis ini. Semoga segala usaha dan penat lelah yang disumbangkan bagi memastikan kelancaran majlis akan diberi ganjaran dan dirahmati Allah SWT.

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF



Kata Alu-aluan YANG BERBAHAGIA KETUA PENGARAH JAKIM



Alhamdulillah dengan limpah kurnia-Nya yang tak terhingga, kita dapat bertemu dalam majlis yang diadakan dalam dewan yang serba baharu lagi indah di Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu, Sabah.

Alhamdulillah, pada tahun ini negeri Sabah yang terkenal dengan keharmonian dan keunikan kepelbagaian etniknya sekali lagi menjadi tuan rumah bagi penganjuran acara yang gemilang ini sekali gus mengulangi kejayaan penganjuran acara yang sama pada tahun 2010 yang lalu. Ini turut membuktikan penerimaan dan sokongan Kerajaan Negeri Sabah terhadap usaha Kerajaan dalam memartabatkan Al-Quran dalam kalangan masyarakat di era globalisasi.

Al-Quran, sebuah kitab yang ditujukan kepada semua manusia tanpa batasan bangsa. Ia kekal sebagai sebuah kitab yang tidak pernah berubah walau satu huruf. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hijr ayat ke-9 yang bermaksud: *"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."*

Kejayaan dan kegemilangan penganjuran majlis ini adalah impak daripada komitmen padu oleh semua pihak termasuk Ketua Agama Negeri-negeri, Pimpinan Kerajaan-kerajaan Negeri, Majlis dan Jabatan Agama dan semua pihak sama ada secara langsung atau tidak. Sekalung penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sabah atas kerjasama yang tak terhingga dari awal persiapan sehingga terlaksananya majlis ini.

Semoga segala usaha yang dilakukan ini sentiasa mendapat rahmat dan keberkatan daripada-Nya. Semoga usaha murni ini sentiasa mendapat sambutan daripada semua rakyat tanpa mengira agama atau bangsa.

Wassalam.

DATO' PAIMUZI BIN YAHYA

Rasional Logo

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1441H/2020M

Ejaan MTQK dalam jawi membuktikan dakwah Islamiah di Malaysia masih dipelihara.



5 helaian mushaf yang terbuka adalah simbol Rukun Islam yang dipadu kuat dengan Al-Quran.

Mushaf yang terbuka sebagai lambang Al-Quran yang sentiasa dibaca dan dirujuk.

Tulisan rumi MTQK menterjemahkan tulisan jawi di atas dan bentuk lengkungan yang bercantum dengan jawi membuktikan pembudayaan Al-Quran haruslah berterusan dan tidak terhenti.

Bentuk bintang 8 bucu adalah geometri Islam yang sering dijumpai dalam seni bina Islam yang melambangkan kesepaduan umat menghayati Al-Quran.

Warna biru melambangkan ketenangan selaras dengan Al-Quran yang menenangkan jiwa.

Warna emas melambangkan nilai Al-Quran dan golongan huffaz yang tinggi.

Rasional Logo

MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1441H/2020M

Diinspirasi daripada tulisan jawi yang dibentukkan seperti masjid sebagai simbol Islam.

Simbol glob yang tertera peta Malaysia sebagai bukti para penghafaz Al-Quran mampu menguasai ilmu dunia dan akhirat terutama di Malaysia.

Diinspirasi daripada sebuah mushaf yang terbuka sebagai lambang Al-Quran itu perlu sentiasa dibuka dan dibaca.

Huruf "Ha", "Fa" dan "Zho" yang membawa maksud hafaz sesuai dengan Hafazan Al-Quran, menggunakan font jawi *Old Antic Bold*.

مجلس معحفظ القرآن قرىثكت كبغسائن

Perkataan "Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan" sebagai penjelasan kepada umum tentang majlis.

Warna biru melambangkan ketenangan selaras dengan Al-Quran yang menenangkan jiwa.

Warna emas melambangkan nilai Al-Quran dan golongan huffaz yang tinggi.

Warna putih melambangkan kesucian Al-Quran sebagai mukjizat Baginda Rasulullah SAW dan isi terpelihara hingga hari Kiamat.

Ulasan Tema

"NEGARA RAHMAH UMMAH SEJAHTERA"

Mahabbah Dalam Islam

Islam merupakan agama rahmah yang mengajak manusia untuk saling hormat-menghormati, berkasih sayang, bertoleransi, saling memaafkan dan bersifat belas kasihan. Islam mengajak manusia mempraktikkan cara hidup yang penuh dengan kasih sayang, kelembutan dan keadilan. Kasih sayang yang disebut sebagai *mahabbah* dalam Bahasa Arab ini meliputi kasih sayang antara manusia sesama manusia, manusia dengan makhluk yang lain dan di antara manusia terhadap Allah SWT yang merupakan Pencipta sekalian alam. Melalui kasih sayang manusia memperoleh rahmat Allah SWT, menikmati ketenangan dan keamanan. Segala tindak-tanduk yang berlandaskan prinsip *mahabbah wa rahmah* dapat mengelakkan persengketaan dan kebencian serta mewujudkan perdamaian dan keharmonian. Dengan kasih sayang, kesejahteraan dapat dicapai sama ada dalam diri individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Konsep Rahmah

Kasih sayang yang dianjurkan oleh Islam dapat dilihat melalui konsep rahmah yang ditekankan dalam Al-Quran. Rahmah merupakan perkataan Arab yang dihasilkan daripada kata dasar '*rahima*' iaitu bermaksud rasa belas dan kasih sayang. Pengulangan perkataan rahmah berkali-kali dalam Al-Quran dengan pelbagai bentuk (kata nama, kata kerja dan kata adjektif) menunjukkan betapa Islam sangat mementingkan konsep rahmah dalam ajarannya. Kepentingan sifat rahmah ini didahulukan dengan pengakuan Allah SWT terhadap sifat-Nya yang Maha Penyayang. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-An'aam ayat 133:

وَرَبُّكَ الْغَنِيُّ ذُو الرَّحْمَةِ إِنْ يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَسْتَخْلِفْ مِنْ بَعْدِكُمْ مَا يَشَاءُ كَمَا أَنْشَأَكُمْ مِنْ ذُرِّيَّةِ قَوْمٍ آخَرِينَ ﴿١٣٣﴾

Maksudnya: "Dan Tuhanmu Maha Kaya, lagi Melimpah-limpah rahmat-Nya. Jika Ia kehendaki, nescaya Ia binasakan kamu dan menggantikan sesudah (binasanya) kamu dengan sesiapa yang dikehendaki-Nya, sebagaimana Ia telah menjadikan kamu dari keturunan kaum yang lain."

Perutusan Islam sebagai rahmat untuk seluruh alam (*Rahmatan Lil 'Alamin*) telah dibawa melalui Baginda Rasulullah SAW kepada umatnya. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Anbiyaa ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Maksudnya: "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

Konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* yang dibawa oleh Baginda SAW ini merangkumi segenap aspek kehidupan termasuk sikap adil, berkasih sayang, bertolak ansur, bersangka baik, berlemah lembut, perdamaian dan harmoni. Konsep rahmah ini telah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dalam kehidupan Baginda dengan menunjukkan sikap belas kasihan terhadap kanak-kanak, orang tua, kaum wanita, anak-anak yatim, hamba sahaya, tawanan perang dan juga makhluk lain termasuk binatang dan alam sekitar. Dalam aspek kepimpinan pula, Baginda telah mempamerkan sikap rahmah sebagai seorang suami, sebagai bapa dan sebagai ketua dan pemimpin kepada masyarakat Islam. Bahkan kepimpinan Baginda SAW turut menzahirkan sifat toleransi yang amat tinggi kepada masyarakat bukan Muslim. Perkara ini dijelaskan di dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari RA, bermaksud:

"Siapa yang membunuh seorang kafir muaahad¹ tidak akan mencium bau syurga, sedang baunya itu tercium sejauh perjalanan empat puluh tahun." (Riwayat Bukhari).

Demikianlah luasnya konsep rahmah yang dibawa oleh ajaran Islam melalui Al-Quran dan Hadith. Ianya bermula dengan sikap toleransi dalam sekecil-kecil perkara sehinggalah ke aspek kehidupan yang lebih luas. Umat Islam haruslah mempunyai kefahaman yang tepat dalam memahami konsep rahmah dalam erti kata yang sebenar. Rasulullah SAW telah meletakkan sempadan yang jelas apabila sesuatu perkara itu melibatkan perkara akidah dan kehormatan Islam. Pada hari ini, Islam sering dilemparkan dengan pelbagai tohmahan negatif. Ianya sering kali dikaitkan dengan keganasan, pertelingkahan, ketidakadilan dan sebagainya. Sikap pesimis terhadap Islam ini sebahagiannya berpunca dari perilaku individu Muslim itu sendiri yang gagal mempraktikkan ajaran Islam yang bersifat rahmah.

Penghayatan Konsep Rahmah

Islam ialah satu cara hidup yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia berasaskan misi utama yang dibawa oleh Rasulullah SAW untuk mewujudkan suasana negara yang sejahtera, aman dan damai. Kesempurnaan dan kelestarian Islam ini terserlah melalui layanan terhadap semua makhluk Allah SWT di muka bumi ini menerusi prinsip *Maqasid Syariah* yang meraikan semua aspek kehidupan dengan penuh kasih sayang, kelembutan dan keadilan.

Dalam membina dan menyuburkan suasana kehidupan yang harmoni, pembangunan kerangka konsep "*Rahmatan Lil 'Alamin*" di Malaysia seharusnya mengambil kira asas-asas konsep tersebut seperti yang termaktub di dalam Al-Quran dan Hadith. Dalam konteks hubungan dengan bukan Muslim misalnya, syariat Islam menjelaskan hubungan baik dan toleransi boleh berlangsung asalkan tidak mencerooboh hak umat Islam. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk berusaha membawa agama Islam ini agar dapat difahami dengan baik oleh golongan bukan Muslim sehingga mereka berminat untuk mendalami Islam.

Pembinaan imej Islam yang lebih harmoni tanpa menggadaikan prinsip-prinsip asas, membawa naratif Islam yang lebih toleransi tanpa mengorbankan ketegasan dalam perkara-perkara pokok. Sikap keterbukaan untuk menerima kepelbagaian haruslah diusahakan agar umat Islam dapat membentuk satu umat yang benar-benar bersaudara dengan penuh kasih sayang. Islam menginstitusikan konsep *ukhuwah* (persaudaraan) yang mengikat sesama Muslim atas dasar iman yang perlu dihayati dalam kehidupan. Islam memelihara hubungan sosial iaitu dengan melarang segala sesuatu yang boleh membawa keburukan, mengadu domba sehingga menimbulkan permusuhan dan kebencian antara orang yang beriman, melarang kezaliman dan permusuhan.

Islam meletakkan prinsip kedamaian, berbuat baik dan adil kepada semua manusia tanpa mengira bangsa dan agama. Namun dalam perihal akidah, syariah dan syiar Islam, penjagaan kedudukan agama Islam tetap dipelihara dalam negara yang menobatkan Islam sebagai agama Persekutuan. Penghayatan syariat Islam secara keseluruhan dan sempurna akan melahirkan manusia berakhlak mulia yang akan menaburkan pelbagai bentuk kerahmatan, kebaikan serta kemakmuran alam.

Dalam konteks sesebuah masyarakat, penghayatan konsep rahmah merupakan cerminan sikap belas, ihsan, toleransi, menghormati hak, menyantuni, berkasih sayang dan berlaku adil dalam pelbagai aspek kehidupan. Sifat rahmah harus dimiliki oleh semua anggota masyarakat, institusi keluarga dan juga para pemimpin.

¹ Seorang yang bukan Islam tetapi berjanji setia kepada negara Islam.

Pendekatan yang bersifat rahmah haruslah bermula melalui institusi kekeluargaan terlebih dahulu. Amalan dan tarbiah secara *mawaddah* dan rahmah yang diamalkan dalam sebuah keluarga mampu menghindari perkara negatif yang tidak diinginkan seperti gejala sosial umpamanya. Penerapan konsep rahmah dalam institusi keluarga dapat melahirkan masyarakat yang penyayang, berakhlak dan berilmu. Dalam konteks interaksi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum pula, sikap rahmah perlu dihayati sama ada sesama bangsa Melayu dan juga bangsa-bangsa lain serta menghormati undang-undang negara. Pelaksanaan konsep rahmah dalam masyarakat majmuk di Malaysia akan memberi manfaat kepada semua anggota masyarakat dalam segenap lapisan. Ini termasuklah masyarakat bukan Melayu dan bukan Islam. Hanya dengan sifat rahmah dapat mewujudkan toleransi, persefahaman dan kasih sayang serta mengelakkan perpecahan dan pertelingkahan. Begitu juga dengan para pemimpin, penghayatan konsep rahmah dapat diterjemahkan melalui kesantunan dalam menyediakan tadbir urus yang baik, menerapkan keadilan, memastikan ekonomi yang mampan, pembangunan yang lestari serta memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terpelihara.

Mendepani Cabaran Melalui Konsep Rahmah

Demikianlah pentingnya penghayatan konsep rahmah dalam sesebuah masyarakat dan negara. Apatah lagi dalam mendepani cabaran pada hari ini, umat Islam harus bijak menangani setiap isu yang datang dengan kaedah-kaedah penyelesaian yang bersifat rahmah dan toleransi. Perubahan gaya hidup yang mewarnai kehidupan dunia hari ini seperti fenomena globalisasi dan kepesatan teknologi komunikasi menuntut masyarakat agar berinteraksi dengan nilai-nilai rahmah dan kasih sayang dalam setiap tindak-tanduk. Penyelesaian masalah tanpa berlandaskan sifat rahmah dan kasih sayang hanya akan mewujudkan perselisihan faham, perpecahan, konflik dan keganasan.

Bagi umat Islam khususnya, menghayati konsep rahmah dalam kehidupan akan menjadi landasan ke arah kesempurnaan iman. Ia dapat menyuburkan kasih sayang sesama manusia malah dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Dengan sifat rahmah, persengketaan dapat dileraikan dan kekusutan dapat dirungkaikan serta masyarakat dapat mencapai keharmonian dan kesejahteraan. Sifat rahmah adalah bukti ketinggian akhlak dan keperibadian unggul sesebuah masyarakat. Semoga dengan penghayatan konsep rahmah oleh setiap individu Muslim, Malaysia dapat menjadi model negara Islam terbaik dan mencipta kegemilangan dalam kalangan negara-negara Islam dan negara bukan Islam sedunia. Pelaksanaan konsep rahmah ini juga sudah pasti masyarakat dapat menikmati kehidupan yang sejahtera.

Rujukan:

1. Al-Quran. 2013. Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Edisi 22. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
2. Ahmad Sanusi Azmi & Mohd Yusuf Ismail. 2018. Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi di Malaysia. No.1 (2-S1).
3. Al-Bukhari. Sahih al-Bukhari. Jilid 4. Hadis no. 1840.
4. Ibn al-Jawzi 1987. Nuzhah al-A'yun al-Nawazir. Beirut: Muassasa al-Risalah.
5. Rahmatan Lil Alamin Konsep dan Penjelasan. 2019. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

SEJARAH MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN

Majlis Membaca Al-Quran mula diperkenalkan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) pada tahun 1947. Ianya diadakan buat pertama kalinya pada 4 September 1947 di Masjid Jami' Abu Bakar Johor Bahru, Johor.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Encik Ahmad bin Yaakob, Ketua Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Se-Malaya pada ketika itu. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dalam satu Majlis Jamuan Teh yang dianjurkan oleh PEKEMBAR di Istana Besar Johor pada 5 September 1947.

Dalam majlis yang pertama kali diadakan itu hanya para qari sahaja yang mengambil bahagian. Johan telah dikongsi bersama oleh tiga orang peserta yang mendapat markah yang sama iaitu 84.5%. Mereka yang mendapat Johan ialah Ustaz Abdul Rahman dari Pulau Pinang, Tuan Haji Mahyuddin dari Perak dan Encik Hassan bin Azhari dari Selangor. Naib Johan dimenangi oleh Encik Ahmad bin Soleh dari Perlis dan Tempat Ketiga dimenangi oleh Lebai Ismail bin Haji Abdul Wahab dari Negeri Sembilan.

Majlis Tilawah Al-Quran juga telah menjadi satu tradisi di negeri Kedah Darul Aman sejak tahun 1951 yang mana ianya telah diusahakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra. Apabila YTM Tunku menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, beliau meneruskan usaha awalnya dengan menganjurkan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali pertama dengan penyertaan semua negeri di Persekutuan Tanah Melayu pada 18 Mac 1960M bersamaan 20 Ramadan 1379H.

Tugas menyelenggara Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ini telah diserahkan kepada sebuah Jawatankuasa Pusat yang dikenali pada masa itu sebagai Jawatankuasa Pengelola. Jawatankuasa ini terdiri daripada 15 orang ahli dan dipengerusikan oleh YB Tuan Syed Jaafar Albar (Allahyarham), Menteri Muda Penerangan dan Penyiaran pada masa itu. Manakala Encik (kini Datuk) Ahmad Nordin bin Haji Mohamad Zain, seorang Pegawai Kanan Jabatan Penerangan waktu itu (kemudian beliau menjadi Ketua Pengarah Penerangan) sebagai Setiausaha yang pertama. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pengelola ini telah diadakan pada 9 Januari 1960 di Kuala Lumpur.

Selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pusat yang pertama, telah diadakan mesyuarat bersama dengan wakil-wakil Kerajaan Negeri. Dalam mesyuarat tersebut YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menyuarakan bahawa adalah menjadi cita-cita Kerajaan Persekutuan untuk melihat Majlis Tilawah Al-Quran ini diadakan pada tiap-tiap tahun, bukan sahaja kerana memuliakan bulan Ramadan tetapi juga kerana selaras dengan kedudukan dan taraf Islam sebagai agama Persekutuan. Kini hasrat tersebut menjadi kenyataan dan usaha tersebut diteruskan oleh pemimpin negara selepas YTM Tunku hingga ke hari ini.

Dalam mesyuarat pertama bersama wakil-wakil Kerajaan Negeri ini, wakil Kerajaan Negeri Kedah, Yang Mulia Tengku Seri Maharaja Lela, saudara sepupu kepada YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menawarkan dua naskhah mushaf Al-Quran tulisan tangan kepunyaan beliau dan Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin, moyang mereka untuk dijadikan hadiah kepada Johan Kebangsaan. Ia digunakan sebagai Piala Pusingan sehingga tahun 2000.

Mushaf yang berusia lebih 100 tahun itu dijilid dengan kulit berwarna emas bersimpuhkan perak dengan hiasan Jata Persekutuan bertatahkan emas. Rehalnya diukir khas dari kayu jenis yang terbaik. Setiap tahun mushaf tersebut dijadikan Hadiah Pusingan bagi Majlis Tilawah Al-Quran. Ia disampaikan kepada qari dan qariah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pada peringkat awal, setiap negeri dibenarkan menghantar 3 orang peserta (2 orang qari dan seorang qariah) menyertai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Dengan wujudnya Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa, maka bilangan peserta di dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dikurangkan. Hanya Johan Qari dan Qariah Peringkat Negeri sahaja dibolehkan mengambil bahagian.

Pada mulanya Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa diadakan secara serentak di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur dan diadakan dalam bulan Ramadan setiap tahun.

Mulai tahun 1981, Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa diadakan secara berasingan. Pada tahun yang sama Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan diadakan di luar Kuala Lumpur. Negeri pertama yang menjadi tuan rumah ialah Negeri Sembilan. Manakala Peringkat Antarabangsa masih diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Mulai tahun itu juga Majlis Tilawah diadakan di luar bulan Ramadan. Sehingga sekarang Majlis Tilawah Al-Quran diadakan secara bergilir-gilir antara negeri-negeri di Malaysia.

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa mula diadakan pada 9 Mac 1961M/22 Ramadan 1380H. Hasrat dan cita-cita untuk mengadakan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa ini telah diluahkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj semasa Majlis Penutup Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali pertama pada 18 Mac 1960.

Dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa yang pertama itu, YAB Tun Abdul Razak telah menyebut bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan terus menggalakkan rakyatnya membaca Al-Quran. Kursus-kursus mempelajari dan menghafaz Al-Quran juga diadakan. Masjid Negara yang sedang dibina ketika itu akan dijadikan pusat untuk tujuan tersebut.

Program Tahfiz Al-Quran bermula apabila wujudnya Kelas Pengajian Menghafaz Al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara, Kuala Lumpur pada 1 Mac 1966. Aktiviti ini lahir atas ilham dan kehendak Perdana Menteri Malaysia yang pertama YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Cadangan ini disuarakan oleh YTM Tunku semasa Majlis

Perasmian Masjid Negara pada 27 Ogos 1965 yang mahukan sebuah Institut Pengajian Al-Quran diwujudkan. Idea ini timbul sebagai kesinambungan program Musabaqah Al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 serta cadangan daripada Rektor Universiti Al-Azhar, Sheikh Mahmud Syaltut.

Penganjuran MTHQK 1438H/2017M merupakan Kerjasama Strategi Lautan Biru (NBOS) di antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kerajaan Negeri Melaka dan beberapa Jabatan/Agensi Kerajaan di Peringkat Persekutuan dan Negeri. Jaringan kerjasama ini membuktikan komitmen Kerajaan dalam menerapkan budaya minat membaca Al-Quran dan memahami inti patinya, seterusnya menjadi rujukan dalam segenap kehidupan.

MTHQK 1439H/2018M pula telah diadakan pada 14 hingga 19 Rejab 1439H bersamaan 1 hingga 6 April 2018M secara julung kalinya di Kompleks Islam Putrajaya (KIP). Kompleks yang telah dirasmikan pada 18 Julai 2017 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ini merupakan mercu tanda Islam yang terbaru di Putrajaya.

Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah kepada pemenang MTHQK Tahun 1439H/2018M telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan isteri.

MTHQK 1440H/2019M telah dilaksanakan pada 17 hingga 22 Mac 2019 di Dewan Majlis Perbandaran Seremban Negeri Sembilan. Majlis Pembukaan telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri manakala Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan seterusnya mengurniakan hadiah kepada para pemenang.

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA




Imbas Kembali

**MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1440H/2019M**

Di Dewan Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus







JABATAN KETUA MENTERI



SEKITAR PERSEDIAAN MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1441H/2020M







**MAJLIS PRA PELANCARAN
MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1441H/2020M**





Lokasi
MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1441H/2020M

Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu

ATUR CARA MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1441H/2020M

19 Jamadilakhir 1441H 13 Februari 2020M (Khamis)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Masa</th><th>Acara</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>3.00 petang</td><td>: Pendaftaran Peserta/Pengiring MTHQK.</td></tr> <tr> <td>4.00 petang</td><td>: Pemeriksaan Kesihatan Peserta Wanita MTHQK.</td></tr> <tr> <td>6.00 petang</td><td>: Makan Malam.</td></tr> <tr> <td>11.00 malam</td><td>: Bersurai.</td></tr> </tbody> </table>	Masa	Acara	3.00 petang	: Pendaftaran Peserta/Pengiring MTHQK.	4.00 petang	: Pemeriksaan Kesihatan Peserta Wanita MTHQK.	6.00 petang	: Makan Malam.	11.00 malam	: Bersurai.								
Masa	Acara																		
3.00 petang	: Pendaftaran Peserta/Pengiring MTHQK.																		
4.00 petang	: Pemeriksaan Kesihatan Peserta Wanita MTHQK.																		
6.00 petang	: Makan Malam.																		
11.00 malam	: Bersurai.																		
20 Jamadilakhir 1441H 14 Februari 2020M (Jumaat)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Masa</th><th>Acara</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>7.00 pagi</td><td>: Lawatan.</td></tr> <tr> <td>12.30 t/hari</td><td>: Makan Tengah Hari.</td></tr> <tr> <td>3.00 petang</td><td>: Mesyuarat <i>Desk Officer</i> JAIN dan JAKIM.</td></tr> <tr> <td></td><td>: Pendaftaran Masuk Jemaah Hakim.</td></tr> <tr> <td>6.00 petang</td><td>: Makan Malam.</td></tr> <tr> <td>8.00 malam</td><td>: Raptai Teknikal 1.</td></tr> <tr> <td></td><td>: Mesyuarat Jemaah Hakim.</td></tr> <tr> <td>11.00 malam</td><td>: Bersurai.</td></tr> </tbody> </table>	Masa	Acara	7.00 pagi	: Lawatan.	12.30 t/hari	: Makan Tengah Hari.	3.00 petang	: Mesyuarat <i>Desk Officer</i> JAIN dan JAKIM.		: Pendaftaran Masuk Jemaah Hakim.	6.00 petang	: Makan Malam.	8.00 malam	: Raptai Teknikal 1.		: Mesyuarat Jemaah Hakim.	11.00 malam	: Bersurai.
Masa	Acara																		
7.00 pagi	: Lawatan.																		
12.30 t/hari	: Makan Tengah Hari.																		
3.00 petang	: Mesyuarat <i>Desk Officer</i> JAIN dan JAKIM.																		
	: Pendaftaran Masuk Jemaah Hakim.																		
6.00 petang	: Makan Malam.																		
8.00 malam	: Raptai Teknikal 1.																		
	: Mesyuarat Jemaah Hakim.																		
11.00 malam	: Bersurai.																		
21 Jamadilakhir 1441H 15 Februari 2020M (Sabtu)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Masa</th><th>Acara</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>7.30 pagi</td><td>: Taklimat dan Undian Giliran Peserta Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M (Hotel Ming Garden).</td></tr> <tr> <td></td><td>: Raptai Teknikal 2.</td></tr> <tr> <td>12.30 t/hari</td><td>: Makan Tengah Hari.</td></tr> <tr> <td>2.00 petang</td><td>: Jamuan Minum Petang Bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.</td></tr> <tr> <td>6.00 petang</td><td>: Makan Malam.</td></tr> <tr> <td>8.00 malam</td><td>: Raptai Penuh Majlis Perasmian Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M.</td></tr> <tr> <td>11.00 malam</td><td>: Majlis Bersurai.</td></tr> </tbody> </table>	Masa	Acara	7.30 pagi	: Taklimat dan Undian Giliran Peserta Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M (Hotel Ming Garden).		: Raptai Teknikal 2.	12.30 t/hari	: Makan Tengah Hari.	2.00 petang	: Jamuan Minum Petang Bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.	6.00 petang	: Makan Malam.	8.00 malam	: Raptai Penuh Majlis Perasmian Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M.	11.00 malam	: Majlis Bersurai.		
Masa	Acara																		
7.30 pagi	: Taklimat dan Undian Giliran Peserta Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M (Hotel Ming Garden).																		
	: Raptai Teknikal 2.																		
12.30 t/hari	: Makan Tengah Hari.																		
2.00 petang	: Jamuan Minum Petang Bersama Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.																		
6.00 petang	: Makan Malam.																		
8.00 malam	: Raptai Penuh Majlis Perasmian Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M.																		
11.00 malam	: Majlis Bersurai.																		
22 Jamadilakhir 1441H 16 Februari 2020M (Ahad)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Masa</th><th>Acara</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8.30 pagi</td><td>: Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Sesi Pagi.</td></tr> <tr> <td>12.30 t/hari</td><td>: Rehat/Makan Tengah Hari.</td></tr> <tr> <td>2.00 petang</td><td>: Sesi Hafazan.</td></tr> <tr> <td>6.00 petang</td><td>: Makan Malam.</td></tr> <tr> <td>8.30 malam</td><td>: Majlis Perasmian Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M.</td></tr> <tr> <td>11.00 malam</td><td>: Majlis Bersurai.</td></tr> </tbody> </table>	Masa	Acara	8.30 pagi	: Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Sesi Pagi.	12.30 t/hari	: Rehat/Makan Tengah Hari.	2.00 petang	: Sesi Hafazan.	6.00 petang	: Makan Malam.	8.30 malam	: Majlis Perasmian Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M.	11.00 malam	: Majlis Bersurai.				
Masa	Acara																		
8.30 pagi	: Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Sesi Pagi.																		
12.30 t/hari	: Rehat/Makan Tengah Hari.																		
2.00 petang	: Sesi Hafazan.																		
6.00 petang	: Makan Malam.																		
8.30 malam	: Majlis Perasmian Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M.																		
11.00 malam	: Majlis Bersurai.																		

23 Jamadilakhir 1441H 17 Februari 2020M (Isnin)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Masa</th><th>Acara</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8.30 pagi</td><td>: Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Sesi Pagi.</td></tr> <tr> <td>12.30 t/hari</td><td>: Rehat/Makan Tengah Hari.</td></tr> <tr> <td>2.00 petang</td><td>: Sesi Hafazan.</td></tr> <tr> <td>6.00 petang</td><td>: Makan Malam.</td></tr> <tr> <td>8.30 malam</td><td>: Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Malam Pertama.</td></tr> <tr> <td>11.00 malam</td><td>: Majlis Bersurai.</td></tr> </tbody> </table>	Masa	Acara	8.30 pagi	: Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Sesi Pagi.	12.30 t/hari	: Rehat/Makan Tengah Hari.	2.00 petang	: Sesi Hafazan.	6.00 petang	: Makan Malam.	8.30 malam	: Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Malam Pertama.	11.00 malam	: Majlis Bersurai.				
Masa	Acara																		
8.30 pagi	: Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Sesi Pagi.																		
12.30 t/hari	: Rehat/Makan Tengah Hari.																		
2.00 petang	: Sesi Hafazan.																		
6.00 petang	: Makan Malam.																		
8.30 malam	: Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Malam Pertama.																		
11.00 malam	: Majlis Bersurai.																		
24 Jamadilakhir 1441H 18 Februari 2020M (Selasa)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Masa</th><th>Acara</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>8.30 pagi</td><td>: Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Sesi Pagi.</td></tr> <tr> <td>10.15 pagi</td><td>: Persembahan Artis Jemputan.</td></tr> <tr> <td>10.30 pagi</td><td>: Sesi Hafazan.</td></tr> <tr> <td>12.30 t/hari</td><td>: Rehat/Makan Tengah Hari.</td></tr> <tr> <td>2.00 petang</td><td>: Jamuan Minum Petang Bersama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah.</td></tr> <tr> <td>6.00 petang</td><td>: Makan Malam.</td></tr> <tr> <td>8.30 malam</td><td>: Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Malam Kedua.</td></tr> <tr> <td>11.00 malam</td><td>: Majlis Bersurai.</td></tr> </tbody> </table>	Masa	Acara	8.30 pagi	: Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Sesi Pagi.	10.15 pagi	: Persembahan Artis Jemputan.	10.30 pagi	: Sesi Hafazan.	12.30 t/hari	: Rehat/Makan Tengah Hari.	2.00 petang	: Jamuan Minum Petang Bersama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah.	6.00 petang	: Makan Malam.	8.30 malam	: Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Malam Kedua.	11.00 malam	: Majlis Bersurai.
Masa	Acara																		
8.30 pagi	: Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2020M Sesi Pagi.																		
10.15 pagi	: Persembahan Artis Jemputan.																		
